



**PERTANDINGAN FUTSAL:** Pasukan KacauBilau FC (gabungan staf Program Kejuruteraan Kimia dan Elektrikal) berjaya mempertahankan kejuaraan sempena Pertandingan Futsal Piala Dekan Sekolah Kejuruteraan Teknologi dan Maklumat (SKTM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun 2012 baru-baru ini dengan kemenangan tipis melalui sepakan penalti, menentang pasukan Backstage FC (kombinasi staf Program Kejuruteraan Mekanikal dan Awam). Manakala pasukan Tanak Kampung FC (gabungan staf Pentadbiran dan IT SKTM) meraih tempat ketiga.

Dalam kategori wanita, pasukan Tinggoron FC (staf Program Kejuruteraan SKTM) yang diketuai oleh Pegawai

Sains SKTM, Maximus Livon, telah menewaskan pasukan OFIT FC dengan skor 4-0 untuk mengekalkan kejuaraan buat tahun kedua. Semua perlawanan diadili oleh pengadil bertauliah Persatuan Bola Sepak Sabah (Safa). Dekan SKTM, Prof Madya Dr. Rosalam Sarbatly berpuas hati dengan penganjuran kejohanan Futsal itu yang telah berjalan lancar dan mencapai objektif memantapkan nilai semangat berpasukan disamping menyihatkan tubuh badan.

Kelihatan dalam gambar atas staf SKTM merakamkan gambar bersama bersama Rosalam, manakala gambar bawah kiri dan kanan, juara staf wanita dan lelaki turut merakamkan kenangan bersama Rosalam.